- 1) memasuki Premis menggunakan kekerasan dan keganasan dengan syarat terdapat tanda-tanda jelas pada Premis di tempat masuk atau keluar yang dibuat menerusi peralatan, bahan letupan, elektrik atau bahan kimia.
- 2) memasuki premis menggunakan kunci sebenar yang telah diperolehi menerusi rompakkan atau kecurian.
- 3) memasuki premis secara rahsia dan berusaha memastikan kehadirannya tidak dikesan oleh pihak ketiga. Bagaimanapun, perlindungan insurans hanya diberikan sekiranya orang tersebut meninggalkan kesan apabila keluar dari premis yang boleh digunakan sebagai bukti.

C. Istilah ROMPAKAN diguna pakai jika:-

- 1) Keganasan digunakan ke atas Pihak Yang Diinsuranskan bagi mematahkan sebarang tentangan untuk menyerahkan harta benda yang diinsuranskan
- 2) Pihak Yang Diinsuranskan menyerahkan harta benda diinsuranskan atau membenarkan harta benda diambil daripadanya disebabkan ugutan kecederaan badan atau kematian yang akan dilakukan di premis.

D. Untuk bayaran premium tambahan, Syarikat bersetuju bahawa insurans ini akan melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh BANJIR (termasuk limpahan air laut) tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang dinyatakan di dalam ini. Manfaat pilihan ini akan dinyatakan di dalam Jadual jika dilanggan.

Perhatian: Banjir, hendaklah bermaksud limpahan atau penyimpangan daripada saluran biasa sama ada laluan air semula jadi atau buatan, paip air utama yang pecah atau melimpah dan sebarang aliran atau pengumpulan air lain yang timbul dari luar bangunan yang diinsuranskan atau mengandungi harta benda yang diinsuranskan, tetapi mengecualikan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah.

Syarat-Syarat Khas

1) Pengendorsan ini tidak melanjutkan insurans di bawah Polisi untuk melindungi:-

- (a) Sebarang bentuk kerugian turutan.
- (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa oleh angin atau tidak
- (c) Kerugian atau kerosakan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah
- (d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan
- (e) Kerugian disebabkan oleh sebarang ordinan atau undang-undang yang mengawal selia pembinaan atau pembaikan bangunan.

2) Syarikat tidak bertanggungjawab di bawah lanjutan ini bagi kerugian atau kerosakan, yang pada masa berlaku kerugian atau kerosakan tersebut diinsuranskan oleh atau akan diinsuranskan, tetapi kerana adanya lanjutan ini, oleh sebarang Polisi lain yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Polisi tersebut seandainya Insurans ini belum berkuat kuasa.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Polisi ini.

E. Untuk bayaran premium tambahan, Syarikat dengan ini bersetuju bahawa insurans di bawah Polisi ini akan melindungi KEROSAKAN AKIBAT RUSUHAN MOGOK DAN PERBUATAN BERNIAT JAHAT, tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung seterusnya. Manfaat pilihan ini akan dinyatakan di dalam jadual jika dilanggan.

Kerosakan Akibat Rusuhan dan Mogok untuk tujuan ini bermaksud kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi yang disebabkan secara langsung oleh:-

- 1) mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang kekacauan yang mengganggu ketenteraman awam (sama ada mempunyai kaitan dengan mogok atau sekatan masuk atau tidak) yang bukan merupakan kejadian yang dinyatakan dalam Syarat Khas tersebut.
- 2) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk menamatkan atau cuba menamatkan sebarang kekacauan atau untuk mengurangkan kesan daripada kekacauan sedemikian.
- 3) Tindakan disengajakan oleh mana-mana pekerja yang mogok atau disekat masuk yang dilakukan untuk memperjuangkan mogok atau menentang sekatan.
- 4) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk mencegah atau cuba mencegah sebarang tindakan sedemikian atau mengurangkan kesan daripada tindakan sedemikian.

Kerosakan Akibat Perbuatan Berniat Jahat bermaksud kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang diinsuranskan yang secara langsung disebabkan oleh perbuatan berniat jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan dalam kekacauan yang mengganggu ketenteraman awam atau tidak) yang bukan perbuatan bertujuan atau dilakukan kerana kaitan dengan kejadian yang dinyatakan dalam Syarat Khas tersebut.

Insurans ini tidak melindungi:-

- 1) Kehilangan pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kehilangan pasaran atau kerugian turutan lain atau kerugian tidak langsung atau sebarang jenis atau bentuk kerosakan.
- 2) Kerugian atau kerosakan akibat pemberhentian seluruh atau sebahagian kerja atau perencatan atau gangguan atau pemberhentian sebarang proses atau operasi.
- 3) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara akibat rampasan, penyitaan atau tuntutan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- 4) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara mana-mana bangunan akibat daripada pendudukan bangunan secara haram oleh mana-mana orang.

Walau bagaimanapun dengan syarat bahawa Syarikat tidak dilepaskan di bawah perkara 3) atau 4) di atas terhadap sebarang liabiliti kepada Pihak Yang Diinsuranskan berhubung dengan kerosakan fizikal kepada harta benda yang diinsuranskan sebelum kehilangan pegangan atau kehilangan pegangan sementara.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Polisi ini.

#### Syarat-Syarat Khas

Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian berikut, iaitu:-

1. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
2. Dahagi, kekacauan awam yang meningkat ke tahap atau menjadi pemberontakan rakyat, pemberontakan tentera, kebangkitan, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
3. Tindakan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding di mana Syarikat mendakwa bahawa disebabkan peruntukan Syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak diinsuranskan oleh Insurans ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah diinsuranskan terletak pada Pihak Yang Diinsuranskan.

- F. Syarikat hendaklah, atas perbelanjaan mereka sendiri, berhak untuk menyiasat sepenuhnya sebarang tuntutan yang dibuat terhadap Syarikat di bawah Polisi ini dan/atau Pihak Yang Diinsuranskan, hendaklah, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, bekerjasama sepenuhnya dengan Syarikat untuk penyiasatan tersebut dengan memberi Syarikat semua dokumen dan maklumat berhubung dengan tuntutan, punca kerugian, keadaan di mana kerugian tersebut berlaku dan/atau sebarang perkara berkaitan liabiliti Syarikat atau jumlah liabiliti, seperti yang mungkin secara munasabah diperlukan oleh atau bagi pihak Syarikat, bersama dengan perakuan bersumpah atau dalam apa jua bentuk sah di sisi undang-undang yang lain tentang kebenaran tuntutan dan sebarang perkara berkaitan dengannya.
- G. Had liabiliti Syarikat bagi kerugian atau kerosakan untuk mana-mana SATU unit peti simpanan selamat yang timbul daripada tuntutan yang berlaku dalam tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual hendaklah tidak melebihi had yang dinyatakan di dalam Jadual. Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa perlindungan insurans bagi mana-mana SATU unit peti simpanan selamat di bawah Polisi ini akan tamat selepas pembayaran mana-mana tuntutan bagi kerugian atau kerosakan ke atasnya. Bagaimanapun, perlindungan boleh dikembalikan semula menerusi pembayaran premium prorata bagi Tempoh Belum Luput Polisi.
- H. Syarikat hanya menanggung liabiliti sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan mendapati kerugiannya di bawah terma Polisi melebihi Jumlah Lebihan.
- I. Sekiranya mana-mana item diinsuranskan yang hilang disebabkan kejadian yang dilindungi di dalam ini diperolehi semula dan jika Syarikat telah membayar ganti rugi kepada Pihak Yang Diinsuranskan di bawah Polisi bagi kerugian tersebut, Syarikat akan diberikan keutamaan untuk mendapat balik seluruh jumlah yang telah dibayar kepada Pihak Yang Diinsuranskan dan baki item diinsuranskan yang diperolehi semula, jika ada, selepas itu akan dikembalikan kepada Pihak Yang Diinsuranskan.

J. (a) **Bagi Kontrak Insurans Pengguna**

Apabila Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) iaitu Orang Yang Diinsuranskan perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Orang Yang Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang diketahui Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Orang Yang Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

(b) **Bagi Kontrak Insurans Komersial**

Apabila Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Orang Yang Diinsuranskan.

Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Orang Yang Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Orang Yang Diinsuranskan memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

## **WARANTI**

1. Dengan ini dijamin bahawa semua peti simpanan selamat hendaklah dipastikan mempunyai dwikawalan. Dwikawalan bermaksud akses kepada dan daripada semua peti simpanan selamat di bawah kawalan lebih daripada seorang dengan semua daripada mereka akan berkongsi tanggungjawab.
2. Dengan ini dijamin bahawa premis dilindungi oleh penggera bilik kebal yang perlu disenggarakan dengan sewajarnya mengikut spesifikasi pengeluaran.
3. Dengan ini dijamin bahawa pembinaan dan keselamatan bilik Kebal Bank mestilah mematuhi garis panduan Persatuan Bank-Bank Malaysia/Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia (ABM/AFMC).
4. Dengan ini dijamin bahawa Polisi ini adalah bebas daripada semua tuntutan berhubung dengan kerugian yang tidak diketahui dalam Tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Dengan ini dijamin bahawa Bank akan mengambil segala langkah yang sewajarnya dalam pemilihan dan penyeliaan kakitangan dan akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk melindungi harta benda yang dilindungi.
6. Dengan ini menjadi syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengendorsan/pembaharuan sijil.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans berhak menerima premium prorata bagi tempoh mereka menanggung risiko.

Sekiranya premium yang perlu dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen sah penanggung insurans, bayaran hendaklah dianggap diterima oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab imtil membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar diterima oleh seorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi KUASA untuk menerima premium tersebut, terletak pada Penanggung insurans.

Tertakluk selainnya kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

## FASAL

### 1. FASAL PENGECUALIAN SEKATAN

Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian (Polisi) ini, tiada Syarikat dianggap telah memberi perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberi apa-apa perkhidmatan atau faedah kepada mana-mana Yang Diinsuranskan atau pihak lain sehingga perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, faedah dan/atau sebarang perniagaan atau aktiviti Yang Diinsuranskan akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.

### 2. PENYAKIT BERJANGKIT GLMA5393

- (a) Polisi ini, tertakluk kepada semua terma, syarat dan Pengecualian yang berlaku, merangkumi kerugian yang disebabkan oleh kerugian fizikal langsung atau kerosakan fizikal yang berlaku dalam tempoh insurans. Akibatnya dan walaupun terdapat peruntukan lain dari Polisi ini yang bertentangan, Polisi ini tidak menjamin kerugian, kerosakan, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, disebabkan atau berlaku serentak atau dalam urutan apa pun dengan Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenarnya atau yang dirasakan) Penyakit Berjangkit.
- (b) Untuk tujuan sokongan ini, kerugian, kerosakan, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang kos untuk membersihkan, menyahtoksin, membuang, memantau atau menguji:
  - b.1 untuk Penyakit Berjangkit, atau
  - b.2 sebarang harta anda di bawah ini yang terjejas oleh Penyakit Berjangkit tersebut
- (c) Seperti yang digunakan di sini, Penyakit Berjangkit bermaksud penyakit yang boleh ditularkan melalui apa-apa bahan atau agen dari mana-mana organisma ke organisma lain di mana:
  - c.1 bahan ejen merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasinya, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
  - c.2 kaedah penghantaran, sama ada langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penghantaran melalui udara, penghantaran cecair badan, penghantaran dari atau ke permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
  - c.3 penyakit, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam untuk merosakkan kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta anda di bawah ini.
- (d) Pengendorsan ini digunakan untuk semua peluasan liputan, perlindungan tambahan, Pengecualian kepada mana-mana Pengecualian dan pemberian liputan lain.  
Semua terma, syarat dan pengecualian Polisi yang lain tetap sama.

### 3. HARTA SIBER DAN DATA GLMA5400

- (a) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan dengannya Polisi ini tidak termasuk mana-mana:
  - a.1 Kerugian siber, kecuali tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (b);
  - a.2 Kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan apa pun yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, disumbangkan oleh, disebabkan oleh, timbul dari atau berkaitan dengan kehilangan penggunaan, pengurangan fungsi, pembaikan, penggantian, pemulihan atau pengeluaran semula Data apa pun, termasuk jumlah yang berkaitan dengan nilai Data tersebut, melainkan tertakluk kepada peruntukan perenggan (c);Tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana dengannya urutan lain.
- (b) Tertakluk kepada semua terma, syarat, had dan Pengecualian Polisi ini atau apa-apa dengannya pengendorsan, ini meliputi Dasar kerugian fizikal atau kerosakan fizikal ke atas harta anda di bawah Polisi ini disebabkan oleh apa-apa kebakaran atau letupan berikutnya yang secara langsung berpunca daripada Insiden Siber, kecuali bahawa Insiden Siber disebabkan oleh, antaranya disebabkan oleh, akibat daripada, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Akta Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membentasi atau memperbaiki mana-mana Akta Siber.
- (c) Tertakluk kepada semua terma, syarat, had dan Pengecualian Polisi ini atau sokongannya, sekiranya Media Pemprosesan Data yang dimiliki atau dikendalikan oleh Tertanggung mengalami kerugian fizikal atau kerosakan fizikal anda oleh Polisi ini, maka Polisi ini akan menanggung kos untuk membaiki atau mengganti Media Pemprosesan Data itu sendiri ditambah dengan kos menyalin Data dari sandaran atau dari asal generasi sebelumnya. Kos ini tidak akan merangkumi penyelidikan dan kejuruteraan dan juga kos untuk mengumpulkan atau memasang Data. Sekiranya media tersebut tidak diperbaiki, diganti atau dipulihkan, maka asas penilaian adalah kos Media Pemprosesan Data kosong. Walau bagaimanapun, Polisi ini tidak termasuk apa-apa amaun yang berkaitan dengan nilai seperti Data, kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain, walaupun apa-apa Data tidak boleh dicipta semula, dikumpulkan, atau dipasang.

- (d) Sekiranya mana-mana bahagian pengendorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bakinya hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
- (e) Ini pengendorsan menggantikan dan, jika bercanggah dengan mana-mana kata-kata lain dalam Polisi atau apa-apa pengendorsan dengannya yang mempunyai kaitan dengan Kehilangan Siber, Data, Media Pemprosesan Data, menggantikan kata-kata itu.

**Definisi**

- (f) Kehilangan Siber bermaksud kerugian, kerosakan, tanggungjawab, tuntutan, kos atau perbelanjaan apa pun yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, disumbangkan oleh, yang disebabkan oleh, timbul dari atau berkaitan dengan apa-apa Akta Siber atau Insiden Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menekan atau membetulkan apa-apa Akta Siber atau Kejadian Siber.
- (g) Akta Siber bermaksud tindakan tidak sah, berniat jahat atau jenayah atau siri tindakan tidak sah, berniat jahat atau jenayah yang berkaitan, tidak kira masa dan tempat, atau ancaman atau tipuan yang melibatkan akses, pemprosesan, penggunaan atau pengoperasian mana-mana Sistem Komputer.
- (h) Kejadian Siber bermaksud:
  - h.1 Segala kesalahan atau peninggalan atau rangkaian kesalahan atau peninggalan yang berkaitan yang melibatkan akses, pemprosesan, penggunaan atau pengoperasian mana-mana Sistem Komputer; atau
  - h.2 Sebarang ketersediaan atau kegagalan sebahagian atau keseluruhan atau siri ketidaksediaan separa atau keseluruhan yang berkaitan atau kegagalan untuk mengakses, memproses, menggunakan atau mengendalikan Sistem Komputer.
- (i) Sistem Komputer bermaksud:
  - i.1 Mana-mana komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, peranti elektronik (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, telefon pintar, komputer riba, tablet, peranti yang boleh dipakai), pelayan, awan atau mikrokontroler termasuk sistem serupa atau konfigurasi apa-apa yang disebutkan di atas dan termasuk input, output, peranti penyimpanan data, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan, dimiliki atau dikendalikan oleh Tertanggung atau pihak lain.
- (j) Data bermaksud maklumat, fakta, konsep, kod atau maklumat lain dalam bentuk apa pun yang direkodkan atau dihantar dalam bentuk yang akan digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
- (k) Media Pemprosesan Data bermaksud harta anda oleh Polisi ini di mana Data dapat disimpan tetapi bukan Data itu sendiri.

**PENGECUALIAN**

1. Polisi ini tidak melindungi kerugian atas sebab sebarang tindakan tidak jujur atau menipu pegawai, kerani, pembantu, pelajar latihan atau kakitangan lain Bank semasa diambil bekerja oleh Bank di mana sahaja ia dilakukan dan sama ada dilakukan secara langsung atau menerusi pakatan dengan pihak lain termasuk kehilangan harta benda menerusi sebarang tindakan tersebut oleh mana-mana pegawai, kerani, pembantu, pelajar yang menjalani latihan atau khidmat perantis atau mana-mana kakitangan lain Bank.
2. Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang berlaku akibat peperangan, serangan, permusuhan, tindakan musuh asing, perang saudara, pemberontakan, kebangkitan, kuasa tentera atau rampasan kuasa atau undang-undang tentera atau rampasan menerusi arahan mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa awam.
3. Polisi ini tidak melindungi:
  - a) kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda atau sebarang kerugian atau perbelanjaan yang berlaku akibat atau timbul daripadanya atau sebarang kerugian turutan.
  - b) sebarang bentuk liabiliti undang-undang
 disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:
  - a) radiasi pengionan atau pencemaran daripada keradioaktifan oleh apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear
  - b) bahan radioaktif, bahan toksik, bahan letupan atau bahan berbahaya lain sebarang pemasangan nuklear meletup atau komponen nuklearnya.

c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermakna tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam, atau mana-mana kumpulan orang awam.

Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau selainnya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian yang tersebut, dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak diinsuranskan oleh Insurans ini, melainkan setakat mana yang dapat dibuktikan oleh Pihak Yang Diinsuranskan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah berlaku secara berasingan daripada keadaan luar biasa tersebut.

4. Polisi ini tidak lagi berkuat kuasa jika Bank menyebabkan atau mengalami perubahan ketara dibuat di dalam Premis atau sesuatu perlu dibuat yang mempertingkatkan risiko.
5. Polisi tidak melindungi RM 10,000 pertama bagi setiap satu kerugian.
6. Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau liabiliti Bank.

## SYARAT-SYARAT

1. Sekiranya tuntutan timbul di bawah ini, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Polis dan kepada Syarikat, bersama semua maklumat yang boleh didapati secepat yang mungkin selepas ia diketahui oleh Pihak Yang Diinsuranskan.
2. Sekiranya sebarang tuntutan yang timbul di bawah ini, Pihak Yang Diinsuranskan akan serta-merta melaksanakan Pemberitahuan dan Prosedur Tuntutan yang dikeluarkan oleh Syarikat dan seterusnya bekerjasama dengan wakil-wakil Syarikat dalam segala hal berkaitan dengan tuntutan. Dalam apa jua keadaan, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah tidak menyelesaikan atau bertolak ansur terhadap sebarang tuntutan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Syarikat atau Wakil Syarikat.
3. Polisi ini akan ditamatkan selepas berlakunya mana-mana yang berikut:
  - a) tiga puluh (30) hari kalendar selepas Pihak Yang Diinsuranskan menerima notis bertulis dengan alasan yang sah daripada Syarikat tentang hasrat mereka untuk membatalkan Polisi ini, atau
  - b) serta-merta selepas Syarikat menerima notis bertulis daripada Pihak Yang Diinsuranskan tentang hasratnya untuk membatalkan Polisi,
  - c) serta-merta selepas tamat Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Sekiranya berlaku penamatan seperti yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah memulangkan premium belum diraih yang dikira secara prorata jika Polisi ini ditamatkan oleh Syarikat. Tiada pemulangan premium akan dibuat sekiranya Pemegang Insurans membatalkan Polisi.

4. Syarikat akan membayar atau menjelaskan kerugian tersebut kepada Pihak Yang Diinsuranskan setakat nilai harta benda yang diisytiharkan pada masa kerugian (tidak termasuk keuntungan atau sebarang bentuk kerugian turutan) sehingga jumlah diinsuranskan keseluruhan yang dilindungi.
5. Sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan kepada dokumen keselamatan seperti skrip saham, sijil bon, deposit tetap dan dokumen penting lain, Syarikat hanya bertanggungjawab bagi caj bahan atau caj buruh yang ditanggung untuk menghasilkan semula dokumen.
6. Jika tuntutan mempunyai unsur penipuan dalam sebarang cara, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang kaedah atau alat berunsur penipuan digunakan oleh Bank dan/atau Pihak Yang Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi ini atau jika kerugian atau kerosakan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan kerjasama Bank dan/atau Pihak Yang Diinsuranskan, semua manfaat di bawah Polisi akan dibatalkan.
7. Syarikat hendaklah, selagi dikehendakinya, menjalankan dan mengawal semua prosiding berhubung dengan sebarang tuntutan kerugian yang telah dibayar Syarikat atau telah dijelaskan di bawah Polisi ini dan boleh menggunakan nama Bank dan/atau Pihak Yang Diinsuranskan untuk menguatkuasakan, demi manfaat Syarikat sebarang arahan yang dibuat bagi kos atau selainnya atau melaksanakan atau mempertahankan sebarang tuntutan bagi indemniti atau pampasan kepada mana-mana pihak ketiga untuk sebarang tujuan lain yang berhubung dengan Polisi ini.
8. Pematuhan dan pelaksanaan terma, syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Bank dan/atau Pihak Yang Diinsuranskan atau mana-mana pihak yang membuat tuntutan menjadi syarat sebelum Syarikat menanggung sebarang liabiliti untuk membuat bayaran di bawah Polisi.



## Pemberitahuan dan Prosedur Tuntutan

Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah:

- i) Menelefon Zurich General Insurance Malaysia Berhad di 03-2109 6000 untuk melaporkan tuntutan anda dan kakitangan kami akan menasihati anda tentang apa yang perlu dilakukan.
- ii) Bekerjasama sepenuhnya dengan wakil Zurich General Insurance Malaysia Berhad yang dilantik untuk menyasiat kerugian tersebut.
- iii) Mengisi Borang Tuntutan Ganti Rugi Harta Benda dengan butiran penuh dan menghantar borang tersebut ke Zurich General Insurance Malaysia Berhad secepat mungkin bersama dokumen yang berkenaan.
- iv) Dokumen yang diperlukan:
  - (a) Senarai barangan dicuri dan nilainya
  - (b) Invois pembelian asal, jika ada
  - (c) Laporan Polis

Tiada tuntutan akan dibayar di bawah Polisi ini melainkan terma bagi Syarat-Syarat ini telah dipatuhi.

## Notis Di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Syarikat. Pihak Yang Diinsuranskan boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi Pihak Yang Diinsuranskan, menghadkan pemprosesan data peribadi Pihak Yang Diinsuranskan dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan Syarikat pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada Syarikat dengan menghantar e-mel ke [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my). Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi Pihak Yang Diinsuranskan tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Syarikat, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

## Peruntukan Cukai

Semua premium dan yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini mungkin dikenakan Cukai. Jika dikenakan, Cukai akan dinyatakan dalam invois dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Pihak Yang Diinsuranskan selain daripada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai bermaksud sebarang cukai, levi atau duti secara langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang jenis cukai yang serupa, yang dikenakan terhadap barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

## Notis Penting

1. Polisi ini dan Syarat-Syaratnya hendaklah disemak dan jika tidak betul, dikembalikan serta-merta untuk pindaan.
2. Sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan, notis hendaklah diberikan serta-merta kepada pejabat Syarikat yang terdekat diikuti oleh langkah-langkah selanjutnya yang diperlukan di bawah Syarat-Syarat Polisi.

## Notis kepada Pihak Yang Diinsuranskan

Sila semak polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

Untuk mengelakkan salah faham, anda hendaklah membaca dengan teliti Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalam ini.

## **PENTING**

Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika didapati sebarang kesilapan atau keterangan salah di dalam ini, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Yang Diinsuranskan, maka Syarikat hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta dan Polisi ini hendaklah dipulangkan untuk perhatiannya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

## PROSEDUR MEMBUAT ADUAN INSURANS

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau rungutan berhubung Polisi anda, sila hubungi ejen anda atau menghubungi pejabat pengeluaran kami. Kami memberi jaminan bahawa aduan anda akan diberi perhatian dengan segera.

Sebagai Syarikat yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh mengemukakan rungutan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (*dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan*) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) Bank Negara Malaysia seperti yang tersenarai di bawah.

### Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan Syarikat, anda boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat polisi anda.

Jika keputusan Pengantara tidak memihak kepada Syarikat, anda perlu memaklumkan kepada Pengantara sama ada anda menerima atau menolak bayaran dalam tempoh 14 (empat belas) hari.

Jika anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap Syarikat atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

Anda boleh membuat aduan kepada Syarikat di:

#### Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3,  
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888  
Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
E-mel: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)  
Laman web: [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

Anda boleh berhubung dengan OFS di:

#### Ombudsman for Finance Services

(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)  
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2272 2811 Faks: 03-2272 15772  
E-mel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman web: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### Prosedur mengemukakan aduan kepada BPP

Sebagai alternatif, anda boleh menyatakan rasa tidak puas hati anda tentang pengendalian Syarikat dengan menulis surat kepada BPP untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Polisi anda kepada:

#### Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922,  
50929 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (I249516-V)  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

